Ruj.Kami : ANM. TRG. (G) 600/1/3 ( )

Tarikh : 12 Disember 2011

Semua Pusat Pembayaran Gaji

Tuan,

JADUAL PEMBAYARAN GAJI DAN JADUAL PENYERAHAN BORANG PERUBAHAN GAJI KEW 320 (SG20) BAGI TAHUN 2012

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil 6 Tahun 2011 berhubung perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa berikut adalah jadual pembayaran gaji dan jadual penyerahan borang perubahan gaji Kew 320 (SG 20) bagi tahun 2012.

3. Mohon kerjasama pihak Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) untuk mengedarkan jadual ini kepada semua sekolah di bawah tanggungan PPD masing-masing.

4. Bagi jenis tindakan T42 (berpindah ke Pejabat Perakaunan lain), gaji pegawai mestilah dipindahkan dalam tempoh dua (2) bulan dari tarikh pertukaran pegawai. Pusat Pembayaran Gaji adalah **TIDAK DIBENARKAN** membuat sebarang perubahan gaji dalam tempoh tersebut.

5. Semua Pusat Pembayaran Gaji di bawah seliaan JANM Negeri Terengganu dikehendaki mematuhi jadual yang telah ditetapkan ini. Sebarang kelewatan penyerahan borang perubahan gaji Kew 320 (SG20) akan menyebabkan perubahan gaji tidak dapat dikemaskini pada bulan tersebut.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
" Inovasi Ke Arah Perakaunan Akruan "

Saya yang menurut perintah,

t.t
(FAUZI BIN MAMAT)
Timbalan Pengarah
b/p Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Terengganu